

Empangan Bekok diceroboh untuk pertanian

Kesihatan 500,000 pengguna bakal terjejas

BATU PAHAT - Tahap kesihatan kira-kira 500,000 pengguna bakal terjejas jika pencerobohan Empangan Bekok di sini tidak diambil tindakan segera.

Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Dr. Wee Ka Siong (**gambar**) mendakwa, pihak-pihak

tidak bertanggungjawab didapati telah menceroboh empangan itu untuk menjalankan aktiviti pertanian dan menggunakan bahan kimia yang boleh menjejaskan kualiti air di situ serta boleh menjejaskan



penduduk di sekitar daerah Batu Pahat.

"Bahan atau sisa kimia ini dikatakan mampu bertahan selama 10 hingga 15 tahun di dalam tanah sekali gus mendatangkan risiko tinggi kepada pengguna.

"Oleh itu, tindakan segera perlu dilakukan sebelum keadaan semakin buruk," katanya pada sidang akhbar di sini kelmarin.

Ka Siong yang juga Timbalan Menteri Pelajaran berkata, beliau telah



INILAH sebahagian daripada kawasan yang diceroboh pihak tertentu untuk aktiviti pertanian di Empangan Bekok, Batu Pahat semalam.

memaklumkan perkara itu kepada Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan meminta kerajaan serta pihak berkaitan mewartakan segera kawasan empangan berkenaan.

Katanya, buat masa ini, hanya seorang pengawal ditugaskan di empangan itu dan ia tidak mampu untuk menghalang pencerobohan.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Ko-

munikasi Korporat, SAJ Holdings Sdn. Bhd (SAJH), Jamaluddin Jamil tidak menafikan air di empangan itu akan tercemar dan memberi kesan serius kepada pengguna jika pencemaran berterusan.

Bagaimanapun, katanya, keadaan masih terkawal dan SAJH dapat menetralkan air yang tercemar sebelum disalurkan kepada pengguna.